

Konsep Kecerdasan Spiritual Islam dan Barat

SURIANI SUDI¹

FARIZA MD SHAM²

PHAYILAH YAMA³

ABSTRAK

The terminology of spiritual intelligence was introduced by the West over the last decade. This intelligence theory is constructed to provide answers with regards to the existence of man and human life. However, this theory is incompatible with Islam, as it separates between the study of spirituality and religion separate. In reality, this intelligence theory has been discussed in the Quran and hadiths and has been formulated by Muslim scholars in the past. Thus, this paper aims to discuss the concept of spiritual intelligence from the perspective of Islam and the West. This study was conducted to examine the content analysis of previous studies related to the constructs of spiritual intelligence, from both perspectives of Muslim and Western scholars. The study found that both Islam and the West agree that individuals who have high intelligence are positive-minded individuals, visionary, take risks and steadfast. Yet Islam's view on this concept is more comprehensive, as Muslims associate this concept with the concept of monotheism and the concept of man as uluhiyyah ahsan al-taqwim. In Islam, individuals who are spiritually intelligent are individuals who are extremely patient, forward looking, grateful and pleased with the provisions of God. They are also individuals who has passion and inner strength, healthy mind and soul, fast learners, thinkers and who are able to bear and face the problems of life. Other than that, they are also concerned about relationship with fellow human beings and hence try to contribute positively to society as much as they can.

Keywords: Spiritual Intelligence; Psychology; Islamic perspective; Western perspective.

Terminologi Kecerdasan Spiritual merupakan terminologi yang mula diperkenalkan oleh barat lebih sedekad yang lalu. Teori kecerdasan ini dibina untuk memberikan penyelesaian dalam menjawab persoalan kewujudan dan kehidupan manusia. Namun, teori yang mereka bawa bertentangan dengan Islam. Ini kerana pengkajian memisahkan kerohanian dengan agama. Pada hakikatnya teori kecerdasan ini telah pun dibincangkan di dalam al-Quran dan hadis serta telah dipelopori oleh ulama dan cendekiawan Islam pada zaman silam. Justeru, kertas kerja ini

¹ Suriani binti Sudi, Sarjana Usuluddin (Hadis), Pensyarah, KUIS/Calon PhD, KUIS, Fakulti Peradaban Pengajian Islam, KUIS, suriani@kuis.edu.my.

² Prof. Madya Dr Fariza Md. Sham, Ijazah Doktor Falsafah UM, Jabatan Dakwah UKM, farisham@ukm.edu.my

³ Dr Phayilah Yama, Ijazah Doktor Falsafah UIA, Jabatan al-Quran dan Sunnah Fakulti Peradaban Pengajian Islam, KUIS, phayilah@kuis.edu.my

mengupas mengenai perbandingan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat. Kajian ini dilakukan secara analisis kandungan iaitu dengan meneliti kajian-kajian lepas berkaitan konstruk kecerdasan spiritual dari pandangan sarjana Islam dan Barat. Kajian ini mendapati, Islam dan Barat bersetuju bahawa individu yang memiliki kecerdasan yang tinggi merupakan individu yang berfikiran positif, mempunyai visi, berani mengambil risiko dan tidak mudah berputus asa. Namun pandangan Islam terhadap konsep ini lebih luas, kerana Islam mengaitkan konsep ini dengan konsep tauhid *uluhiyyah* dan konsep manusia sebagai *ahsan al-taqwim*. Individu yang cerdas spiritual menurut Islam adalah individu yang memiliki sifat sabar yang tinggi, memandang jauh ke hadapan, syukur dan reda dengan ketentuan Allah. Ia juga adalah individu yang mempunyai semangat dan kekuatan dalaman, jiwa, *al-nafs*, roh dan akal yang sihat, cepat memahami, yang mampu untuk berfikir dan yang mampu untuk menanggung dan berdepan dengan permasalahan kehidupan. Bukan sekadar itu, ia juga sangat menjaga hubungannya sesama manusia lantas melakukan sesuatu yang berfaedah untuk masyarakatnya.

Katakunci: Kecerdasan Spiritual; Psikologi; Perspektif Islam; Perspektif Barat.

Pendahuluan

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan perbandingan konsep kecerdasan spiritual antara Islam dan Barat. Walaupun kecerdasan spiritual adalah salah satu bidang penting dalam psikologi Islam namun masih ramai para pengkaji dan penyelidik Islam telah mengambil konsep, dimensi-dimensi dan alat pengukuran kecerdasan spiritual dari Barat (Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah 2014). Perkara ini turut dijelaskan oleh Toto Tasmara (2001) di mana menurutnya selama bertahun-tahun umat Islam telah terpesona dengan penemuan Barat yang mengatakan bahawa kecerdasan adalah nilai intelektual yang tinggi yang boleh diukur secara kuantitatif. Sedangkan Barat mengatakan kecerdasan spiritual ini hanyalah potensi yang dimiliki manusia tanpa ada sebarang perkaitan dengan agama, kekuasaan dan kekuatan Tuhan. Maka diharapkan, dapatan dari kajian ini akan dapat membuka mata para penyelidik muslim agar tidak meletakkan sandaran utama kajian mereka kepada konsep-konsep dan dimensi kecerdasan spiritual dari Barat.

Dari perspektif Islam, spiritual adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia. Spiritualiti adalah dimensi agama. Hubungan antara spiritual dan agama dijelaskan oleh Yusuf Al-Qardawi (2001). Dari perspektif psikologi Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek spiritual dan jasmani (Fariza Md Sham & et al, 2015). Oleh itu, individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek spiritual dan material.

Sebuah kajian oleh Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah (2014) pula menegaskan kepada keperluan kepada pemikiran semula terhadap teori kecerdasan spiritual kerana belum

ada satu teori yang konkrit terhadap konstruk psikologi ini. Sorotan literatur kajiannya telah menunjukkan wujudnya kelompangan yang ketara dari segi model dan konsepsi kecerdasan spiritual dari Barat mahu pun dari perspektif Islam. Oleh yang demikian, menurutnya satu penilaian dan pemikiran semula tentang epistemologi konsep kecerdasan spiritual amatlah diperlukan. Baginya, untuk mencapai hasrat islamisasi ilmu pengetahuan, ahli psikologi Islam harus mampu untuk mencari penyelesaian bagi memenuhi keperluan umat kerana ketidakserasian model yang dikemukakan oleh Barat. Harus ada pembinaan kerangka konsep kecerdasan spiritual mengikut acuan, falsafah dan epistemologi Islam. Justeru, kajian ini seterusnya akan mengisi kelompangan model dan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara analisis kandungan dan perbandingan. Pengkaji akan meneliti kajian-kajian lepas berkaitan permasalahan yang berlaku seterusnya mengemukakan konsep-konsep berkaitan kecerdasan spiritual dari pandangan sarjana Barat dan Islam seterusnya membuat satu penilaian semula dan perbandingan sebagai menjawab kepada objektif yang dinyatakan.

Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Barat

Kecerdasan spiritual telah banyak dibincangkan oleh para sarjana Timur dan Barat. Dalam psikologi moden, teori kecerdasan telah bermula pada akhir abad ke 19. Bidang psikologi moden amat dipengaruhi oleh konsep kecerdasan manusia. Di antara teori awal kecerdasan manusia telah dipelopori oleh Francis Galton (Cohen & Swerdlik, 2010). Setelah itu muncullah teori kecerdasan emosi yang dipopularkan oleh Goleman (1995). Goleman menunjukkan bukti empirikal dari kajiannya bahawa orang-orang yang IQ tinggi tidak menjamin untuk berjaya. Sebaliknya orang yang memiliki Kecerdasan Emosi (EQ) banyak menempati posisi di dunia eksekutif. Namun, ia dianggap tidak memadai untuk menjawab persoalan dan menyelesaikan masalah kehidupan manusia yang semakin kompleks yang seolah-olah semakin hilang nilai pertimbangannya.

Tidak lama selepas itu muncul pula Model Kecerdasan Spiritual yang dipelopori oleh Zohar & Marshal (2000) yang mengatakan bahawa makna dan nilai adalah datang dari dalaman hati nurani manusia. Menurut Zohar & Marshall (2000), Kecerdasan spiritual adalah kecerdasan yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan makna dan nilai. Kecerdasan yang membuatkan hidup seseorang menjadi lebih luas, kaya dan bermakna. Kecerdasan spiritual menurutnya merangkumi ciri-ciri kesedaran diri, idealisme, keupayaan menghadapi dan menginstitusikan kesukaran, bersikap terbuka, menggalakkan ketabahan, kepelbagaian, ketabahan, kecenderungan untuk bertanya “kenapa”, keupayaan untuk merangka semula dan responsif.

Menurut Zohar & Marshal (2000) lagi, kecerdasan spiritual lebih lengkap berbanding kecerdasan emosi di mana kecerdasan emosi hanya berasaskan kepada perkembangan psikologi dan neurologi yang mengkaji hakikat dan kedudukan emosi di dalam otak manusia serta peranan dan kesannya dalam kehidupan manusia. Kecerdasan spiritual menurut mereka lebih luas kerana selain berasaskan kepada emosi itu sendiri, kecerdasan spiritual juga berasaskan kepada sosiologi dan spiritual manusia. Mereka berpendapat kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value* iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku atau hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan seseorang itu lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. Kecerdasan spiritual adalah kecerdasan yang diperlukan untuk memfungsikan kecerdasan minda dan kecerdasan emosi secara efektif. Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Maka menurut mereka Kecerdasan spiritual adalah kecerdasan jiwa. Seseorang boleh mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi apabila mereka berjaya memecahkan persoalan makna dan nilai sehingga mampu meletakkan perilaku dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya. Ia juga mempunyai perkaitan dengan kecerdasan intelek dan kecerdasan emosi seseorang.

Namun demikian, ungkapannya berkaitan kecerdasan spiritual memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut;

Spiritual Quotient (SQ) tidak mesti berhubungan dengan agama. Bagi sebahagian orang, SQ mungkin menemui cara pengungkapan mengenai agama formal tetapi beragama tidak menjamin SQ yang tinggi. Banyak orang humanis dan atheis memiliki IQ yang sangat tinggi. Sebaliknya banyak orang yang aktif beragama memiliki SQ yang sangat rendah.

Tidak dapat dinafikan bahawa karya pasangan Zohar & Marshall (2000) telah menjadi pendorong dalam memperkenalkan lagi konstruk kecerdasan spiritual dalam bidang psikologi moden. Semenjak dari itu, pelbagai teori, konsepsi dan saranan telah dikemukakan oleh sarjana Barat dan juga Timur untuk menggabungkan konsep kerohanian (*spirituality*) dengan kecerdasan (*intelligence*) bagi mengesahkan konstruk ini sebagai kecerdasan manusia antaranya Amram (2007). Amram (2007) didapati telah mengenal pasti tujuh tema utama berkaitan kecerdasan ruhaniah iaitu "*meaning, consciousness, grace, transcendence, truth, peaceful surrender to Self, and inner-directed freedom* (Amram: 2007). Namun Amram yang menggunakan pendekatan kualitatif telah mengambil tradisi pelbagai agama dan ideologi seperti Buddha, Kristian, Hindu, Jewis, Taoism, Yoga dan juga Islam untuk mengesahkan konstruk dan dimensi kecerdasan spiritual. Beliau telah memperoleh dimensi dan sub-dimensi kecerdasan spiritual untuk instrumen pengukurannya dengan mengharmonikan dan menyamaratakan kefahaman amalan kerohanian oleh orang-orang yang alim dalam agama masing-masing seperti paderi, mubaligh Kristian, sami, imam, ahli sufi sedangkan majoriti agama ini adalah bertunjangan fahaman politeisme iaitu satu kepercayaan yang mengakui adanya lebih dari satu Tuhan.

Apa yang telah dilakukan oleh Amram (2007) adalah penyalahgunaan konsep amalan kerohanian amalan kerohanian agama lain sama sekali tidak boleh dicampuradukkan dan disamaratakan dengan fahaman kerohanian Islam seperti mana yang dinyatakan dalam Surah

al-Kafirun. Islam takkan selamanya sebaris dengan agama lain malah Islam itu lebih tinggi dan tiada yang lebih tinggi selain Islam.

Walaupun pakar-pakar psikoterapi Barat dianggap sebagai pelopor dalam bidang ini, namun pendekatan teori mereka dalam masyarakat Islam bukanlah suatu yang ideal lagi sesuai, malahan ia perlu dikaji dan diteliti dengan serius oleh pakar-pakar psikologi Islam. Teori-teori barat ini hanya menekankan kecerdasan spiritual sebagai potensi khas dalam jasad dan sebagai satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan. Ia terhasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat yang ingin mencari makna kehidupan mereka. (Toto 2001: ix). Psikologi Barat telah mengabaikan fitrah dalaman manusia. Unsur-unsur yang penting dalam fitrah psikologi manusia seperti dimensi kepercayaan, moral dan kerohanian telah dianggap sebagai wacana yang asing dalam psikologi perkembangan mereka (Mujib & Mudzakir :2002). Selain itu juga, terdapat dua dilema utama yang wujud dalam teori kecerdasan spiritual dari Barat iaitu terdapat elemen-elemen sekularisme dan pluralisme beragama yang boleh menggugat keutuhan akidah Islam.

Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Islam

Perkataan roh dalam epistemologi Islam adalah menggambarkan kepada maksud spiritual yang dibincangkan. Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah. al-Quran al-Karim dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja.

وَسَأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja". (al-Isra': 85)

Allah telah menjelaskan bahawa roh dan jiwa adalah antara tanda kekuasaanNya sepertimana bulan, bintang, laut dan tumbuhan dan Allah meminta agar roh dan jiwa yang berada di antara lambung dan yang berada di dalam jasad ini diperhatikan dan diperhalusi. Kerana itu baginda s.a.w sangat menekankan kepada penjagaan roh dan menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya roh yang berada di dalam iaitu *al-qalb*. Perkara ini jelas dalam sabda baginda s.a.w;

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati.⁴

Maka kunci untuk mendapatkan kecerdasan spiritual itu bermula dari hati. Hati ini pula mestilah punyai hubungan yang kuat dengan Allah seterusnya ia akan menolak spiritual dan menghasilkan kekuatan luar biasa yang akan memberi kesan yang sangat besar terhadap dirinya. Maka akan bangkitlah kekuatan dan kecergasan dan sekali gus melahirkan rasa tanggungjawab dengan berterusan melakukan amal.

Oleh sebab itu, kecerdasan spiritual di dalam Islam boleh dicapai apabila seseorang itu berjaya menyerahkan seluruh hidupnya dengan penuh reda dan pasrah kepada Allah SWT dan pengabdian tanpa sebarang rungutan dan ungkitan. Malah ia akan menjadikannya sebagai manusia yang seimbang kerana telah memenuhi elemen spiritual iaitu salah satu dari empat elemen kejadian manusia iaitu mental, spiritual, fizikal dan tingkah laku (Muhammad Hilmi 2015). Malah menurut al-Ghazali (1998), elemen spiritual adalah elemen terpenting dalam pembentukan individu seseorang.

Konstruk kecerdasan spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu hati, jiwa, akal dan roh. (Salasiah Hanin et. al 2012). Fariza (2013) mengatakan kecerdasan spiritual adalah gagasan empat elemen iaitu hati, jiwa, akal dan roh, iaitu komponen yang bersifat dalaman yang berpengaruh dalam penjelmaan personaliti seseorang.

Sebagaimana huraian yang telah dikemukakan oleh sarjana Islam al-Ghazali (1998) bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Menurut al-Ghazali, jiwa manusia harus ditransformasikan menuju kesempurnaan. Untuk itu, al-Ghazali telah mengklasifikasikan *al-nafs* kepada beberapa peringkat bermula dari yang bersifat *al-nafs al-ammarah* hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutmainnah*. Pada tahap ini rasa cintanya kepada Allah mendorongnya sentiasa melakukan kebaikan dan mengajak orang lain ke arah kebaikan. Keinginannya untuk menyelamatkan manusia lain dari dosa dan kemurkaan Allah begitu tinggi sehingga mendorongnya menjadi seorang pendakwah yang sentiasa berjuang untuk menegakkan kalimah Allah. Pada tahap inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas.

Dengan demikian, Langgulung (1987) juga mengatakan bahawa peringkat-peringkat jiwa dalam Al-Quran bermula dari *al-nafs al-ammarah*, *al-nafs al-lawamah* hinggalah peringkat yang tertinggi iaitu *al-nafs al-mutmainnah*, adalah hierarki pembangunan rohani manusia. Maka hierarki pembangunan rohani ini sendiri telah memberikan implikasi kepada takrif kecerdasan spiritual (lihat Bensaid et al., 2014). Maka ini jelas membuktikan bahawa dalam

⁴ Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Fadlu Man Istabra'a Dinihi. No hadis 52

membicarakan konsep kecerdasan spiritual, sarjana muslim hakikatnya telah lama mendahului sarjana Barat.

Malah terdapat penulisan dari sarjana Islam kontemporeri sebelum kajian Zohar dan Marshall yang ditulis pada tahun 2000, yang kononnya dianggap sebagai pelopor psikologi moden. Najati (1988) telah membicarakan tentang kecerdasan spiritual di dalam bukunya *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs* dan *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs* dan menafsirkan kecerdasan spiritual sebagai kematangan emosi dan sosial. Iaitu kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sekitarnya, mampu untuk menanggung tanggungjawab dan berdepan dengan pelbagai masalah. Menjalani hidup dengan penuh reda dan bahagia dan bermakna. Di sini, Najati telah menyamakan kecerdasan spiritual ini sebagai *al-nafs al-mutmainnah* yang dinyatakan oleh al-Ghazali.

Malah lama sebelum itu, Abdul 'Aziz (1952) telah membahaskan kecerdasan spiritual ini dengan mentakrifkan kecerdasan spiritual sebagai satu keseimbangan antara fungsi-fungsi jiwa dan bebas dari pertentangan dalaman serta mampu untuk berhadapan dan membuat keputusan atas sesuatu permasalahan dan kesulitan yang dihadapinya, sentiasa merasa positif dengan kebahagiaan dan kesejahteraan. Menurutnya lagi bebas dari penyakit-penyakit hati merupakan syarat pertama kepada spiritual yang cerdas. Beliau selepas itu mengatakan bahawa kecerdasan spiritual juga boleh ditakrifkan sebagai sekumpulan perkara yang perlu ada pada seseorang yang memperlihatkan keseimbangan dalam dirinya dan juga keseimbangan antara dirinya dan persekitarannya yang mana keseimbangan ini akan membawa ia ke tahap yang paling tinggi yang ia mampu dalam kebahagiaan dan kesempurnaan terhadap dirinya dan masyarakat yang ia hidup di dalamnya. Abdul 'Aziz juga berkata takrif ini masih dalam kerangka takrif yang pertama hanya sanya takrif kedua ini menambah elemen hubungan yang sangat kuat antara individu dengan persekitarannya. Ia menekankan kepada kepentingan membangkitkan kemampuan akal tabii yang ada pada manusia dan membawanya hingga ke tahap tertinggi yang ia mampu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan diri dan masyarakatnya.

Konsep alternatif kecerdasan spiritual oleh cendekiawan-cendekiawan Islam kontemporeri telah muncul sebaik sahaja ia dipopularkan oleh Zohar dan Marshall (2000) sebagai satu penilaian semula terhadap konsep yang didatangkan oleh mereka. Antaranya Toto Tasmara (2001), Mujib & Mudzakir (2002), Zainab (2001), Saad Riyad (2004), Dr Hamid Zahran (2005), Aliah (2006), Bensaid et al. (2014) dan lain-lain.

Toto Tasmara (2001) menamakan kecerdasan spiritual sebagai kecerdasan rohani dan ia ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang untuk mendengarkan hati nuraninya atau bisikan kebenaran dari Allah dalam cara dirinya mengambil keputusan atau melakukan pilihan-pilihan, berempati dan beradaptasi. Menurutnya kecerdasan rohaniah adalah kecerdasan yang paling sejati dan dapat menimbulkan kebenaran yang sangat mendalam terhadap kebenaran, sedangkan kecerdasan lainnya lebih bersifat pada kemampuan untuk mengelola segala hal yang berkaitan dengan bentuk lahiriah. Kecerdasan rohaniah merupakan inti dari seluruh kecerdasan yang dimiliki manusia kerana kecerdasan rohaniah dapat mempengaruhi perkembangan

kecerdasan-kecerdasan yang lain antaranya Kecerdasan Intelektual, Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Sosial dan Kecerdasan Fizikal.

Mujib & Mudzakir (2002) merupakan sarjana psikologi Islam yang telah memberi pencerahan terhadap bidang psikologi dari perspektif Islam dan mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai kecerdasan kalbu yang berhubungan dengan kualiti batin seseorang. Mereka merasakan bahawa terdapat keperluan untuk memperkenalkan istilah kecerdasan kalbu sejak berkembangnya teori kecerdasan 'baru' yang diperkenalkan oleh sarjana Barat. Kecerdasan spiritual menurut mereka adalah berkaitan kualiti batin seseorang. Kecerdasan ini mengarahkan seseorang untuk membuat lebih manusiawi sehingga dapat menjangkau nilai-nilai luhur yang mungkin belum tersentuh oleh akal fikiran manusia. Ia adalah mengenai pertumbuhan seorang manusia. Ia adalah berkaitan anjakan dalam kehidupan. Ia berkaitan penetapan hala tuju dalam kehidupan dan menyembuhkan diri kita semua kesakitan yang kita bawa. Ia adalah satu bentuk pemikiran berfikir untuk diri kita sebagai ungkapan realiti yang lebih tinggi. Ia juga mengenai bagaimana kita melihat sumber-sumber yang ada pada kita dan akhirnya kita akan menemui kebebasan dari rasa hanya sebagai manusia biasa dan mencapai peringkat rohani yang lebih tinggi mencapai tahap yang lebih tinggi dalam kerohanian apabila kita kembali ke alam asal kita iaitu fitrah. Dengan lain perkataan kecerdasan spiritual menurut mereka merupakan pusat lahirnya gagasan, penemuan, motivasi, dan kreativiti yang paling fantastik.

Saad Riyad (2004) turut menjelaskan bahawa kecerdasan spiritual adalah kemampuan seseorang untuk membebaskan diri dari hawa nafsu, ikhlas dalam melakukan ibadah berserta cinta, taat, doa, takut dan mengharap hanya kepadaNya, mampu mendidik dan mendisiplinkan jiwa dalam usaha untuk menunaikan tanggungjawab yang disyariatkan Allah. Beliau menambah lagi bahawa kecerdasan spiritual juga bermaksud kemampuan seseorang dalam berinteraksi bersama masyarakat yang ia hidup di dalamnya, lantas ia melakukan sesuatu yang berfaedah untuk dirinya dan masyarakatnya, yang membantunya untuk berhadapan dengan cabaran, kepayahan dan tribulasi kehidupan dengan tindakan yang positif tanpa merasa takut dan keluh kesah.

Dr Hamid Zahran (2005) pula menyatakan bahawa kecerdasan spiritual bermaksud mempunyai jiwa yang seimbang, merasa bahagia dengan dirinya dan orang lain, mampu menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi yang ia mampu, mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup, mempunyai peribadi yang menyeluruh dan seimbang, mempunyai akhlak yang baik dan ia hidup dalam tenang dan selamat. Menurutnya lagi, jiwa yang cerdas adalah jiwa yang sentiasa positif merangkumi akal yang cerdas dan sihat.

Aliah (2006) berpendapat, untuk hidup manusia perlu bernafas dan memiliki nafas bermakna manusia memiliki spirit. Oleh sebab itu, perkataan spiritual bermakna memiliki ikatan yang lebih kepada hal yang bersifat kerohanian atau kejiwaan berbanding hal-hal yang bersifat fizik dan kebendaan. Spiritual merupakan kebangkitan atau pencerahan diri dalam mencapai tujuan atau makna kehidupan, di mana asas kebahagiaan dan kesejahteraan seseorang datang dari spiritual yang baik. Antara aspek spiritual adalah mempunyai arah tuju kehidupan yang

mendorong seseorang bagi meningkatkan kebijaksanaan dan kekuatan berkehendak seseorang bagi mencapai keinginan dan cita serta usaha mencapai hubungan yang lebih dekat dengan Tuhan dan memahami tabiat alam semesta.

Menurut pandangan Bensaid et al. (2014), kecerdasan spiritual terhasil dari manifestasi iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah (s.a.w) yang melahirkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif. Manakala Zainab et.al (2001) pula mendefinisikan kecerdasan rohaniah sebagai kemampuan seseorang untuk mempunyai tahap kecemerlangan terhadap diri sendiri daripada segi hubungannya dengan Allah SWT dan hubungannya sesama manusia khususnya dari segi *al-amr bi al-ma'ruf wa nahy 'an al-munkar*. Menurut Elmi (2013) pula, kecerdasan rohaniah dalam Islam adalah merujuk kepada seseorang yang mendapat darjat berupa ketenangan jiwa, berakal cerdas, mempunyai roh yang sejahtera, *al-nafs* yang *muthmainnah* dan hati yang bahagia dengan iman dan takwa kepada Allah SWT Maka ciri dan sifat tersebut akan membentuk peribadi, akhlak dan cara hidup yang sempurna dalam kehidupan mereka.

Kajian-kajian sarjana Islam kontemporari ini turut memperlihatkan satu unsur di dalam konsep kecerdasan spiritual iaitu kepentingan kepada memelihara *hablun min al-nas* (hubungan sesama manusia) selain *hablun min Allah* (hubungan dengan Allah).

Rumusan dan Cadangan

Sorotan literatur di atas telah menunjukkan walaupun wujud beberapa persamaan antara konsep kecerdasan spiritual antara Barat dan perspektif Islam antaranya melakukan sesuatu yang bermakna dalam kehidupan, kecerdasan yang menempatkan hidup dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya dan kecerdasan spiritual sebagai kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Namun di sana wujudnya perbezaan dan lompong yang ketara antara perspektif Islam dan Barat dalam konteks ini. Perbezaan antara keduanya adalah dalam konteks berikut;

1. Barat menganggap kecerdasan spiritual semata-mata sebagai potensi khas dalam jasad sedangkan di dalam Islam spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah. Baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya spiritual dan kunci untuk mendapatkan kecerdasan spiritual itu adalah bermula dari hati yang dipenuhi dengan iman.
2. Kecerdasan spiritual Barat adalah berasaskan kepada humanisme sedangkan kecerdasan spiritual Islam adalah berasaskan kepada tauhid kepada Allah.
3. Kecerdasan spiritual Barat adalah sebagai satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan hasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat. Sedangkan Islam telah menekankan kepada pembangunan

rohani ini sedari awal lagi iaitu dengan menekankan kepada penjagaan hati sebagai raja anggota badan.

4. Lebih dari itu, kecerdasan spiritual dalam Islam bukan setakat mendisiplinkan jiwa dalam usaha untuk menunaikan tanggungjawab yang disyariatkan Allah, menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi yang ia mampu, mempunyai peribadi yang menyeluruh dan seimbang, malah mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup, mempunyai arah tuju kehidupan yang jelas dan kecerdasan spiritual itu juga adalah kemampuan seseorang dalam berinteraksi bersama masyarakat yang ia hidup di dalamnya lantas melakukan sesuatu yang berfaedah untuk dirinya dan masyarakatnya. Maka kecerdasan spiritual dalam Islam adalah merupakan pusat lahirnya gagasan, penemuan, motivasi, dan kreativiti yang paling fantastik.

Untuk itu, para pengkaji muslim seharusnya merujuk kepada teori kecerdasan spiritual yang telah dirangka oleh para sarjana Islam kerana ia menepati tuntutan akidah dan fitrah manusia. Pandangan Barat yang berasaskan kepada humanisme adalah titik utama yang memisahkan pandangan Barat dengan Islam di mana kecerdasan spiritual dalam Islam adalah berhubung langsung dengan Allah SWT.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim Pimpinan ar-Rahman

Buku

- Abdul 'Aziz al-Qusi. 1952. *Usus al-Sihah al-Nafsiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- Abdul Mujib & Yusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Aliah B. Purwakanita Hasan. 2006. *Psikologi Perkembangan Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairi Sharifudin. 2013. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Hamid Zahran. 2005. *Al-Sihah al-Nafsiyyah wa 'Ilaj al-Nafsiy*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Hasan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Muhammad Uthman Najati. 1993. *Ad-Dirasat al-Nafsanayah 'inda al-'Ulama al-Muslimin*, Kairo, Darul Asy-Syuruq.

Muhammad Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Cetakan ke-5. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.

al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *al-Ibadah fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Sa'ad Riyadh. 2004. *'Ilm al-Nafs fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Muassasah Iqra'.

Toto Tasmara. 2001. *Kecerdasan Rohaniah (Transcendental Intelligence)*. Jakarta: Gema Insani Press.

Jurnal

Bensaid, B., Machouche, S., & Grine, F. (2014). *A Qur'anic Framework For Spiritual Intelligence*. Religions, 5. ISSN 2077-1444

Emmons, R. (2000). *Is Spirituality an Intelligence? Motivation, Cognition, and the Psychology of Ultimate Concern*. International Journal for the Psychology of Religion, 10, 3–26.

Fariza Md Sham, Jawiah Dakir, Siti Rugayah Hj. Tibek, Noor Aziah Mohd Awal, Salasiah Hanin Hamjah, Adawiyah Ismail & Maheran Ismail. *Education Module for Out-Of-Wedlock Pregnant Adolescents*. The Turkish Journal of Educational Technology. August 2015.

Iskandar (2012). *Lokus Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Al-Qur'an*. Suhuf, 5, 37–50.

King, D. B. & DeCicco, T. L. 2009. *A Viable Model And Self-Report Measure Of Spiritual Intelligence*. International Journal of Transpersonal, 28, 68-85.

Muhammad Hilmi Jalil et.al. 2015. *Elements Of Human Capital Development According To Hasan Al-Banna*. The Turkish Online Journal of Educational Technology – August 2015, Special Issue for INTE 2015

Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohd. Rasit & Fariza Md Sham. 2012. *Role of Spiritual Aspect In The Learning Process of Islamic Studies Student*, Medwells Journals.

Internet

Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. *SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.

Prosiding

Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. ISLAMIYYAT 35(1) 2013: 19 – 28

- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah, 2014, *Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014. (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Tajulashikin Jumahat, Benaouda Bensaidb & Mohamad Sahari Nordin. *Pembinaan Kerangka Konsep Dan Eksplorasi Awal Model Pengukuran Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam*. The 9th International Malaysian Studies Conference (MSC9). Universiti Malaysia Terengganu (UMT). 18 – 20 August 2014
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Asyraf Abdul Rahman, Ideris Endot, Siti Nor Tijani Mohamad & Elmi Baharuddin. 2011. *Tahap Kecergasan Rohani Warga Tua Seri Kenangan Taman Kemumin Dalam Dunia Kontemporari*, Kertas Kerja, International Seminar On Dakwah. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universitas Negeri Jakarta, Institut Kajian Rantau Asia Barat dan Kumpulan Dakwah, Kerohanian dan Pembangunan Islam di Universitas Negeri Jakarta, 8-10 Julai.